



## PERUTUSAN

**YBHG DATO' SRI AZIZAN BIN AHMAD  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**HARI LAUT SEDUNIA 2018**

**8 JUN 2018**

---

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Laut Sedunia (*World Oceans Day*) Tahun 2018 kepada segenap lapisan rakyat Malaysia.

Malaysia yang merupakan salah satu di antara 12 buah negara mega biodiversiti di dunia turut terletak di dalam kawasan segi tiga terumbu karang dunia (*coral triangle*). Ini menunjukkan Malaysia bukan sahaja kaya dengan sumber biodiversiti di daratan malahan juga di perairannya. Kekayaan sumber biodiversiti ini telah menjadi salah satu tarikan terhadap sektor ekopelancongan yang mana menarik ramai pelancong tempatan dan luar negara berkunjung ke taman-taman laut kita yang sangat indah. Kemasukan pelancong ini akan meningkatkan ekonomi negara, membuka peluang perniagaan serta meningkatkan sumber pendapatan dan kualiti hidup rakyat.

Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) yang ditubuhkan pada tahun 2007 bertanggungjawab mengurus, melindungi dan memulihara 42 pulau yang telah diwartakan sebagai Taman Laut di seluruh Malaysia merangkumi Negeri Kedah, Pahang, Terengganu, Johor dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pewartaan Taman Laut sebagai kawasan untuk pembiakan dan perlindungan hidupan marin ini akan mewujudkan satu ekosistem marin yang seimbang secara tidak langsung meningkatkan produktiviti sumber

perikanan yang memberi impak untuk menjana ekonomi Negara secara berkekalan.

Tanggal 8hb Jun setiap tahun, seluruh dunia akan menyambut Hari Laut Sedunia dan pada tahun 2018 ini, bertemakan ***Clean Our Ocean! Preventing plastic pollution and encouraging solutions for a healthy ocean***. Tema ini memberi fokus kepada pencegahan pencemaran lautan oleh bahan-bahan buangan berdasarkan plastik. Justeru, marilah kita bertindak sekarang bagi menyokong usaha merealisasikan matlamat ini dengan mengelakkan atau mengurangkan penggunaan plastik dalam kehidupan seharian kita. Ini adalah kerana sampah yang ada di lautan kini adalah berpunca daripada aktiviti harian kita. Usaha yang minimum tetapi jika dilaksanakan oleh komuniti yang besar pastinya akan memberi impak bukan sahaja untuk kelestarian lautan kita malahan alam sekitar kita akan lebih sihat dan terpelihara.

Tema Hari Alam Sekitar Sedunia ***Beat Plastic Pollution – If you can't reuse it, refuse it*** yang baru disambut pada 5 Jun tahun ini juga mengenai pencemaran plastik dan kebahayaan penggunaannya kepada semua lapisan masyarakat, alam sekitar dan biodiversiti. Ini menunjuk bahawa tumpuan semua organisasi yang menjaga alam sekitar dan biodiversiti di dunia menganggap pencemaran plastik sebagai masalah yang amat serius dan besar.

*United Nations Environmental Programme* (UNEP) melaporkan bahawa plastik merupakan pencemar utama di lautan. Sebanyak 13 juta tan plastik dihanyutkan ke lautan setiap tahun, 500 billion beg plastik digunakan setiap tahun di seluruh dunia, 480 billion botol plastik dijual di seluruh dunia pada tahun 2016 dan 50% bahan plastik yang digunakan seharian merupakan bahan pakai buang yang tidak dapat dikitar semula.

Pencemaran plastik di lautan juga dikaitkan dengan kematian haiwan seperti paus, ikan lumba-lumba, penyu dan burung laut akibat termakan plastik-plastik ini. Baru ini kita digemparkan dengan kematian seekor *pilot whale* di perairan selatan negara jiran kita, kematian ini diakibatkan 7.71kg beg plastik yang ditemui dalam ususnya selepas autopsi yang dijalankan oleh sekumpulan pakar perikanan ke atas bangkai paus yang malang ini. Selain itu, ikan-ikan lain yang merupakan sumber protein

kepada manusia juga tidak terlepas dari ancaman ini. Terdapat keadaan di mana mikro plastik melekat kepada fitoplankton yang merupakan makanan ikan-ikan ini. Ikan-ikan dan penyu yang memakan fitoplankton ini akan menyerap bahan kimia yang terkandung dalam mikro plastik tersebut ke dalam tisu badan. Keadaan ini boleh memberi implikasi besar kepada kesihatan manusia yang memakan ikan yang tercemar dengan plastik kecil ini. Juga terdapat banyak penyu yang mati akibat termakan penyedut minuman plastik.

Penjelasan sains terhadap isu kritikal ini amat penting untuk difahami masyarakat awam. Jika sebelum ini pencemaran plastik di lautan hanya memberi impak kepada kehidupan laut dan pesisir pantai, kini bahayanya semakin besar dengan kesan langsung kepada manusia sendiri. Sudah sampai masanya kita semua memikirkan cara yang lebih wajar dan peranan yang boleh kita lakukan bagi mengurangkan kesan pencemaran plastik ke atas alam sekitar.

Kempen pengurangan penggunaan bahan plastik terutamanya beg dan penyedut minuman plastik adalah salah satu cara yang paling mudah untuk mengurangkan pencemaran plastik tetapi sukar untuk dilaksanakan. Beberapa negeri di Malaysia telah mula melaksanakan polisi bebas plastik dengan mengenakan caj tertentu bagi setiap penggunaan beg plastik. Ada yang menyokong usaha tersebut dan ada juga yang mempersoalkan kewajaran pengenaan caj berkenaan.

Sikap dan budaya masyarakat Malaysia yang lebih suka menggunakan beg plastik dalam setiap urusan semasa di pasar, pusat membeli belah dan sebagainya menyumbang kepada peningkatan penggunaan beg plastik. Budaya membawa beg sendiri untuk membeli-belah masih asing dalam masyarakat Malaysia. Begitu juga dengan budaya kitar semula. Kadar kitar semula rakyat Malaysia hanyalah 17.5% pada tahun 2016.

Justeru itu, disyorkan agar amalan mengurangkan penggunaan produk plastik hendaklah bermula daripada individu itu sendiri. Perlu ada kesedaran dan rasa tanggungjawab di kalangan seluruh rakyat Malaysia untuk bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam usaha mengurangkan pencemaran lautan kita. Kadang kala kita terlupa bahawa tindakan yang kita lakukan, walau pun hanya berkaitan dengan

penggunaan barang plastik boleh mengundang kepada kemerosotan kualiti alam sekitar dan seterusnya menjelaskan keindahan dan kebersihan biodiversiti marin kita. Perkongsian tanggungjawab ke atas alam sekitar oleh setiap lapisan masyarakat adalah penting kerana kitalah yang memegang amanah untuk menjaga alam sekitar ini. Setiap apa yang kita lakukan mempunyai impak kepada alam sekitar sama ada yang baik maupun sebaliknya.

Kejayaan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti marin negara ini bergantung kepada kerjasama yang erat daripada semua lapisan masyarakat. Justeru, jangan menunggu hari esok untuk perubahan hari ini. Kita harus mengubah sikap dan bersama-sama berusaha mengekalkan kekayaan sumber biodiversiti marin yang kita perolehi masa ini untuk generasi akan datang.

Marilah kita bersama berganding bahu untuk memelihara biodiversiti marin yang merupakan **khazanah negara** yang amat berharga ini. Usah biarkan biodiversiti marin kita dihilangkan kerana kelak kita tidak berupaya menggantikannya untuk generasi yang akan datang. Setelah hilang, biodiversiti marin kita **TIDAK BOLEH DIGANTI** lagi. Ayuh, Kekalkan Biodiversiti Marin Negara kita.

### **Selamat Menyambut Hari Laut Sedunia.**

Terima kasih.